



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12 October 2015



**NAJIB TUN RAZAK** diiringi Liow Tiong Lai dan timbalannya, Datuk Seri Dr. Wee Ka Siong ketika hadir pada Perasmian Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-62 di Wisma MCA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

# MCA teruskan perjuangan dalam BN

*UM - 12/10/15*

■ KUALA LUMPUR 11 OKT.

**M**CA akan terus bersama Barisan Nasional (BN) dalam menggalas tanggungjawab untuk memajukan Malaysia atas dasar kebersamaan dan kesefahaman antara kaum.

Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, persepsi rakyat terhadap parti itu dan BN juga perlu terus diperkukuh dalam meneruskan agenda transformasi parti dan negara.

"Bangkitlah kita bersama-sama bersatu padu berganding bahu dalam memastikan bukan sahaja kesinambungan BN terjamin, malah apa yang lebih utama ialah memastikan masa hadapan bumi Malaysia yang tercinta ini terjamin, aman dan makmur selama-lamanya," katanya dalam ucapan dasar presiden pada Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-62 di Wisma MCA di sini, hari ini.

Perhimpunan itu dirasmikan Perdana Menteri dan Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam pada itu, Tiong Lai berkata, MCA juga berikrar akan sentiasa meneruskan perjuangan dan terus me-

nyokong kepimpinan perdana menteri untuk melaksanakan dasar kesederhanaan, keharmonian, dan perpaduan dalam kepelbagaian, selaras dengan semangat yang didokong BN.

Beliau turut mencadangkan agar kerajaan mewujudkan Majlis Rekonsiliasi Tadbir Urus Politik, Hal Ehwal Agama dan Perpaduan bagi menyelesaikan isu ketegangan kaum, perbezaan fahaman agama dan sosioekonomi masyarakat.

"Sudah tiba masanya kita perlu melakukan sesuatu untuk menangani isu perkauman yang sedang kita hadapi. Jurang pemikiran antara kaum, jurang pemikiran antara generasi, serta jurang pemikiran antara masyarakat bandar dan luar bandar perlu ditangani dengan segera," katanya.

Tiong Lai juga berkata, MCA akan terus menekankan nilai-nilai murni seperti tadbir urus yang baik, ketelusan, akauntabiliti dan integriti yang akan terus diberi keutamaan oleh MCA.

Dalam ucapan dasarnya, beliau turut mengkritik DAP dengan mendakwa 'pendekatan konfrontasi'

yang dipraktikkan mereka ini akan membawa kerugian terutamanya kepada masyarakat Cina dan akhirnya rakyat akan menjadi mangsa.

Justeru, Tiong Lai berkata, MCA akan tetap berpegang teguh dengan prinsip kesederhanaan, keharmonian dan perpaduan dalam semua pendekatannya dan tidak akan sesekali memainkan isu perkauman.

Sementara itu, mengulas mengenai aspek ekonomi, beliau berkata, sejak pelancaran Kemajuan Keusahawanan Malaysia (SAME) pada Julai lalu bagi membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS), sebanyak RM26.6 juta telah diluluskan di bawah pembiayaan Kojadi kepada 124 pemohon.

Menyedari kepentingan pembiayaan kewangan bagi pembangunan IKS, MCA akan membuat permohonan bagi menubuhkan sebuah Bank Koperasi Kojadi bagi memperkasakan pembangunan ekonomi dan transformasi secara berkesan.

Seramai 1,761 orang perwakilan atau 74.1 peratus daripada 2,357 perwakilan seluruh negara menghadiri perhimpunan tahun ini. - BERNAMA